

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: Prof. Dato' Dr. Mohammad b. Hj. Alias
Jawatan: Timbalan Naib Canselor, HEP & Pembangunan (2001 – 2005)
Timbalan Naib Canselor, HEP & Alumni (2005 – 2007)
Tarikh temuramah: 4 April 2007
Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Ahmad Yazid Ahmad (Pustakawan)

.....

Yazid : Bismillahirrohmanirrohim, alhamdulillah, wassola tu wassola mu'ala rosulillah wa 'ala alihi wasoh bihi wamman'nu 'ala. Hari ini kita mengadakan satu sesi temubual bersama dengan yang berbahagia Profesor Dr Mohammad Haji Alias, Timbalan Naib Canselor bagi USIM untuk Hal Ehwal Pelajar dan juga alumni. Temubual ini diadakan adalah untuk mendapatkan pandangan beliau berkenaan dengan sejarah penubuhan KUIM dan USIM dan seterusnya mengenai masa depan USIM itu sendiri. Bersama2 kita pada hari ini adalah Cik Harianti Husain, pustakawan daripada Unit Multimedia, Unit Arkib dan Multimedia, dan saya sendiri Ahmad Yazid Ahmad daripada Unit Pembangunan Koleksi bersama2 dengan staff daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Emm..mungkin kita boleh ajukan soalan yang pertama kepada prof, aa..apakah latar belakang pendidikan serta kerjaya sebelum prof bertugas di USIM?

Prof: Bismillahirrohmanirrohim, Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah hirrobbilalamin, wabihinasta'in. allahummassolli'ala saiyidina Muhammad, wa'ala alihi wasohbihi ajma'in, amma ba'k. Terima kasih kepada saudara Ahmad dan saudari Cik Harianti aa..kerana

memberi peluang saya untuk berkongsi pendapat, pandangan tentang perkara, penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia, yang sekarang namanya Universiti Sains Islam Malaysia bermula pada 1 Februari 2007. Latar belakang pendidikan saya dari segi sekolah menengah, daripada tingkatan 4 ke tingkatan 6, Sekolah Menengah King George ke-5 di Seremban, dalam aliran bahasa inggeris. Jadi, kelayakan awal saya Malaysian Certificate of Education dan juga High School Certificate. Kena masa tu aliran bahasa inggeris lagi,aa...selepas tamat dalam,lulus Hight School Certificate tahun 69, alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T, saya berjaya melanjutkan pelajaran saya ke peringkat sarjana muda diluar negara. Khususnya di Universiti Monaj di Australia, dibawah biasiswa Colombo Plan. Tempoh pengajian pada masa tu 4 tahun. Pengkhusus saya ialah dalam bidang ekonomi. Saya dapat Bachelor Economic with Honors. Selepas itu,aa...saya meneruskan pengajian saya di universiti yang sama pada peringkat sarjana. Alhamdulillah, saya berjaya,aa...saya telah dilantik oleh Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai tutor di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan dengan biasiswa Colombo Plan juga meneruskan pelajaran diperingkat sarjana dan tempohnya 2 tahun dan saya konvokesyen pada tahun 76, tahun 76 ye.. Jadi aa..saya balik ke tanah air pada bulan Mac 1976 dan mula bertugas di Fakulti Ekonomi di UKM sebagai pensyarah di Jabatan aa...statistic dan analisa politatif, Jabatan Statistik dan analisa Kualitatif. Jadi, sebagai pensyarah di UKM dari tahun 76 hingga tahun 1999 April. Jawatan saya, jawatan akademik, sebagai Profesor Madya, jawatan pentadbiran terakhir yang saya pegang ialah sebagai Dekan Fakulti Ekonomi UKM dari 1994 sehingga 1999 april. Tapi sebelum tu saya menjawat pelbagai jawatan pentadbiran. Sebagai Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, Ketua Jabatan dan juga sebagai penyelaras. Pada bulan 5 1999,aa..saya telah

dipinjamkan oleh UKM ke Universiti Utara Malaysia aa..sebagai Profesor di sekolah ekonomi di UUM. Pada masa tu, sekarang ni dah tukar kepada Fakulti Ekonomi lah. Jadi aa..saya bertugas di Universiti Utara Malaysia dari Mei 1999 hingga Jan 2002. Hampir lebih kurang 2 tahun 9 bulan sebagai Profesor di U itu dan disana saya berkesempatan, saya ditugaskan untuk aa..mengajar dan menyelia pada peringkat sarjana dan juga Dr Falsafah dan disamping itu saya jalankan penyelidikan bersama2 dengan pensyarah2 di fakulti berkenaan, dalam bidang saya iaitu dalam bidang ekonomi gunaan. Saya juga aa..bersama dengan aa..rakan2 di fakulti ekonomi, dengan dapat sokongan yang padu daripada pucuk pimpinan universiti, daripada Naib Canselor, Timbalan2 Naib Canselor. Dapat menganjurkan beberapa seminar peringkat kebangsaan yang ditaja umpamanya oleh Bursa Saham Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk aa..apa,membina upaya para pensyarah dan penganjuran dan juga tujuan untuk apa, mendisiminasikan hasil penyelidikan para pensyarah kita ya. Disamping dapat juga berkongsi pengalaman, maklumat dengan penyelidik2 daripada universiti2 lain.

Harianti : Okay prof, bila hari pertama prof bertugas di USIM, pada masa tu KUIM lah.

Prof : Ya, saya melapor diri di Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai Timbalan Raktor Hal Ehwal Pelajar dan pembangunan pada 1 Februari 2002, tapi sebelum itu pada bulan Disember 2001, aa..saya dating ke KUIM berjumpa dengan yang berbahagia Dato' Raktor untuk aa..dapatkan gambaran tentang bidang tugas, tanggungjawab dan cabaran yang akan saya hadapi ya.. Jadi pada masa itu, pejabat KUIM di Institute Profesional Baitulmaldi Kampung Pandan. Saya masih ingat lagi, dan diantara penolong

pendaftar yang saya jumpa, Puan Monaliza undang-undang ya, dan juga En Hasri saya jumpa juga,aa.. err Daim,ya dibahagian pembangunan.

Yazid : Okay prof, ketika pertama kali melapor diri di KUIIM pada ketika itu, mungkin ada pengalaman yang tak dapat prof lupakan yang boleh prof kongsi bersama kita.

Prof : Pengalaman yang tak dapat dilupakan..Ada beberapa tetapi yang pertama sekali,aa..yang saya ditugaskan untuk mewakili yang berbahagia dato' raktor untuk merasmikan satu program berkaitan dengan apa ni,IT. Pada masa itu, universiti sedang merancang untuk aa..menyediakan pelan induk lah,IT,,dan akhirnya untuk dapatkan, untuk menyediakan satu ISP ya menyebabkan kelulusan pada mampu. Jadi peringkat awal lagi saya diminta oleh dato' raktor untuk mewakili beliau kerana satu daripada tanggungjawab dibawah, sebagai timbalan raktor HEP dan Pembangunan ni, pembangunan IT aa..,bahagian teknologi maklumat juga bawah pembangunan ya. Jadi, saya terlibat dalam perbincangan awal untuk menyediakan ISP. Pengalaman yang kedua ialah di..sempena dengan majlis pertemuan yang berbahagia Tan Sri Pengerusi Lembaga Pengarah bersama dengan pemimpin2 pelajar di sebuah hotel di Ampang, siap jamuan makan malam ya, jadi, ucapan alu aluan tu saya telah menyampaikan mukadimahnyanya dalam bahasa arab, kali pertama saya, saya menyampaikan ucapan dalam bahasa arab, saya kena dapatkan bantuan lah daripada guru2 bahasa kalau tak silap saya untuk menyediakan text, pada masa tu saya bacalah,kali pertama. Itu pengalaman yang masih saya ingat lagi dan saya juga ingat komen tan sri ya, beliau menggalakkan saya belajar bahasa arab. Jadi daripada pengalaman pertama tu dan galakkan daripada tan sri,

dan juga peluang yang banyak di KUIM untuk kita belajar, menghayati dan juga mempraktikkannya, jadi dengan ini kita dapat lagi lebih rapat dengan para pelajar kita.

Harianti : Apa perasaan prof eh bila dilantik sebagai timbalan raktor HEP dan pembangunan pada tahun 2002.

Prof : Okay, sebelum saya jawab soalan tu, saya perlu mengimbas kembali ya tentang bagaimana dan bila saya tahu tentang apa ni, pencalonan saya untuk jawatan ini, kira2 pada bulan April rasa saya tahun 2001 pada satu pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada masa tu, Tun Dr Mahathir ya, di jabatan perdana menteri, beliau bertemu dengan pemimpin2 universiti dan para pensyarah di Putrajaya. Jadi selepas majlis itu, yang berbahagia dato' raktor berjumpa dengan saya. Dia bertanya, "Bagaimana kalau saya calonkan prof untuk jawatan timbalan raktor hal ehwal pelajar dan pembangunan bagi KUIM?". Dan pada masa tu satu jawatan yang sedia ada dan telah diisi ialah timbalan raktor akademik yang disandang pada masa tu oleh yang berbahagia Dato' Dr Abdullah Ahmad Zain. Jadi saya rasa terkejut jugalah. Saya piker sekejap, sejenak dan respon saya, itu besar tanggungjawabnya tu. Dato' ada mention ada lagi calon lain. Saya pikir sebentar, kalau nak calonkan, saya rasa bolehlah. Jadi...habis..lebih kurang macam itulah dialognya. Aa..pada hujung bulan November 2001, asya dapat panggilan telefon daripada yang berbahagia dato' raktor, saya masa itu duduk di Kedah lah, duduk di Jitra. Beliau telefon saya beritahu saya yang amat berhormat menteri, menteri pelajaran masa itu setuju untuk melantik saya sebagai timbalan raktor hal ehwal pelajar dan pembangunan. "Sudah dapat surat belum?" saya cakap belum dapat surat lagi. Emm..kuatkuasanya 1 Disember 2001

lah. Beberapa hari kemudian saya terima surat itu. Oleh kerana masa itu semester sedang berjalan,aa..jadi saya hubungi balik dato' , mohon izin untuk tangguh lapor diri lah. Aa..jadi beliau mencadangkan saya dapatkan dulu kebenaran dari kementerian lah. Jadi saya menghubungi yang berbahagia dato' ketua setiausaha kementerian, menyatakan permohonan saya untuk tangguh lapor diri dan juga bagi sebabnya jadi beliau bersetuju dan saya tulis surat. Jadi, saya perlu lebih kurang 2 bulanlah untuk menyelesaikan apa2 tugas pengajaran di dan penyeliaan di UUM lah. Jadi,aa..aa..itulah, saya lapor diri pada 1 Februari 2002. apa perasaan saya, perasaan saya pada aa..ialah rasa bersyukur aa...dan apa..bersyukur kepada Allah S.W.T atas aa..kepercayaan yang diberi oleh yang berbahagia dato' raktor aa...dan oleh yang terhormat menteri, dengan persetujuan yang terhormat menteri ya, untuk saya menjawat jawatan ini. Aa..satu jawatan yang aa..mencabar dan mempunyai potensi untuk kita memberi sumbangan. Aa..berdasarkan daripada pengalaman kita,aa..dan pengalaman, aa..dan kemahiran yang ada pada kita, tapi sumbangan itu kita beri aa..dalam konteks aa..bekerjasama. Aa..saya membantu, membantu dato' raktor dan kita bersama dengan kepimpinan universiti dan juga para pegawai dan warga ya. Untuk aa..merialisasikan wawasan, visi dan objektif universiti. Jadi..kita aa..bekerja lillahita'ala sebagai sebahagian daripada pasukan itu, sebagai satu ahli dalam pasukan itu.

Yazid :

Mungkin aa..prof boleh berkongsi juga bersama kita, mengapakah prof memilih untuk berkhidmat di USIM berbanding dengan UUM sebab prof sebelum di KUIM pada waktu itu prof di UUM, mengapa prof memilih untuk berkhidmat di KUIM pada ketika itu?

Prof : Jawapannya ada dalam jawapan saya yang sebelum ini ya. Aa..saya pergi ke Universiti Utara kerana diatas jemputan melalui aa..jemputan oleh naib canselor pada masa itu Yang Berbahagia Profesor Dato' Mohamad Nor Salleh, beliau bertanya kepada Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia pada masa itu Yang Berbahagia Tan Sri Anuar Ali dan juga aa..bekas dekan fakulti ekonomi juga. Saya 'serve' bawah Tan Sri Anuar semasa dia sebagai dekan, saya timbalan dia. 'VC' UUM tanya, boleh tidak syorkan beberapa pensyarah kanan di UKM untuk ke UUM ya. 'So' saya ialah salah seorang dipilih. Saya bersetuju dan saya hantarlh data diri saya dan sebagainya. Kemudian aa..bukan proses pemilihan sebagainya dan saya berjaya ditawarkan dan mohon izin daripada UKM untuk berpindah ke sana ya. Datang kemari pun begitu juga,saya,,tidak ada dalam perancangan saya, dalam perancangan mungkin,,kita mohon, jadi beritahu lah April 2001 ini, dato' raktor tanya saya itu, itulah mulanya. Jadi, aaaa..bila aa..dilantik dan saya tengok dari segi wawasan, misi, objektif universiti, ini satu apa,,yang apa, sangat apa, menarik aa..perhatian saya, okay. Saya menyokong, menghayati aa.. wawasan itu. Jadi saya tidak teragak-agaklah untuk menerima tawaran itu eh dan dalam perancangan awal saya memang aa..insyaallah untuk aa..bertugas di UUM sampai bersaralah tapi perancangan itu aaa,,kita merancangkan tuhan,Allah ta'ala yang menentukan. Jadi yang lain itu sebagai sejarahlah. Saya sudah bersara pada 27 Oktober 2005 tapi sekarang ini sambung atas dasar kontrak.

Yazid : Saya boleh katakan bahawa prof ini dikalangan terpilih lah.

Prof : Alhamdulillah lah..

Harianti : Okay prof, kita masuk kepada perkembangan hal ehwal pelajar, pembangunan dan alumni. Okay, saya nak tahu apakah fungsinya terhadap hal ehwal pelajar universiti dan apakah prof telah mencapai visi tersebut?

Prof : Okay, bila kita cakap tentang visi hal ehwal pelajar, dia bersandarkan pada wawasan universiti ya. Kita tengok wawasan universiti, memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insane. Jadi aa..wawasan aa..hal ehwal pelajar kalau saya nak tafsirkan semula ialah untuk aa..kalau dalam bahasa inggerisnya 'to unleash the potential' , 'to unleash the potential' yang ada pada para pelajar kita yang aa..dari segi aa..asas pendidikan mereka iaitu asas pendidikan dalam pengajian islam ya, berlatarkan pengajian islam yang baik kemudian mereka terus aa..meneruskan pengajiannya mereka ki KUIIM dan sekarang ini USIM ya. Jadi kita nak melahorkan aa..graduan yang aa..berketerampilan tinggi, berakhlak mulia,aa..disamping pencapaian akademik yang,yang, yang baik ya, yang baik. Jadi, aa..kita nak 'unleash potential' dia itu.aa..nak 'unleash potential' dia aa..dengan berlatar belakangkan aa..pengajian islam itu kemudian diteruskan kemari untuk melahirkan aa..dua jenis graduan. Satu ialah 'professional muslim' dan satu lagi itu ialah aa.. 'professional muslim' dan satu lagi itu ilmu islam ya. 'Professional muslim' sebab kita ada menawarkan bidang-bidang professional seperti undang-undang, syariah undang-undang, aa..sains teknologi, aa..bidang apa ini perubatan ya dan kemudian disana pergigian,professional. Dalam bidang kepimpinan itu, dakwah adalah, komunikasi multimedia,,itupun professional kan..Okay,jadi aa..kemudian ilmuan islam itu yang mereka nak mendalami pengajian islam,dalam bidang dakwah dan pengajian Al-Quran dan sunnah, mereka boleh berbuat demikian kerana mereka boleh menguasai bahasa arab dan aa,..khusus dalam

pengendalian kusus-kusus dalam bidang ini dalam bahasa arab okay,.'That's why' apa,aa..jadi mereka boleh, jadi mereka ada peluang untuk mendalami ilmu pengajian islam itu aa..hingga ke, rujuk kepada sumber-sumber asal ya, 'text' asal ya. Sebab dia mereka mampu menguasai bahasa arab itu ya. Okay.

Yazid:

Okay prof, ermm., apakah aa ni aa ketika prof menjadi timbalan daripada ketika zaman KUIM lah, apakah ruang input yang digalas berkenaan dengan hal ehwal pelajar and juga pembangunan?

Prof :

Okay, saya ambil pembangunan dulu,aa emm, saya membantu yang berbahagia raktor dalam rancangan pembangunan kampus tetap KUIM fasa pertama dia, fasa pertama dia aa..2001-2005 lah dan juga keperluan aa..prasarana aa semasa kita berada di kampus sementaralah. Kita dibantu oleh bahagian teknikal kita, kita ada pengarah unit pembangunan kan, aa..berada di kampus sementara ini satu cabaranlah,satu cabaran ya, kemudahan yang ada itu terhad ya. Persekitaran pun luar, ada sebahagian luar kawalan kitakan, persekitaran keliling masyarakat tu diluar kawalan kita kan.. jadi, apa yang kita cuba nak buat dalam kelas aa..boleh tercabar kalau persekitaran tu aa..apa,tidak kondusif ya. Itu..jadi aa..pertambahan pelajar pun terhad ya, penambahan program pun dihadkan oleh kemudahan prasarana yang ada ya, kususny tentang asrama sebab kita menyediakan 100 peratus kemudahan asrama. Kemudahan-kemudahan untuk pelajar kita. Jadi kalau tempat ada yang sesuai ya, terhad jadi pertambahan pelajar juga terhad. Jadi kalau peringkat mula itu, 'intake' pertama, 225 orang semasa ke IPB, kemudian tahun berikutnya itu sekitar 500 ke 800 orang pengambilan setiap tahun ya, jadi walaupun kita sebagai

kolej universiti, sasaran dia ialah untuk 5ribu pelajar pada tahun 2005, hingga sekarang pun belum sampai 2005 lagi.,eh, sekarang 2007 ya. Jadi pada peringkat mula sebab kita tidak ada kampus tetap kan,itu cabaran ya. Aa..kemudian aa..tentang hal ehwal pelajar ya,err,,tanggungjawab utama hal ehwal pelajar kalau nak diringkaskan lah pembangunan sahsiah pelajar, pembangunan sahsiah pelajar ya. Jadi,,ada dua, dalam perbincangan tentang, tentang pelajar ni, kita biasa dengar tentang 'hard skills', 'soft skills' ya. 'Hard skills' ini ialah ilmu dalam kemahiran yang diperolehi oleh pelajar melalui pengalaman pelajaran dan pembelajaran dalam kelas ya. 'Teaching and learning experience within the class room' kan aa,,within the leture **33;08** ,aa 'hard skills' dan petunjuk prestasi pertama ini ialah PNGK. Jadi kalau PNGK 4 itu, '4 Flat' itu PNGK atau PNGS lah 4 itu, '4 Flat' itu cemerlang lah,,mumtaz ya. Jadi, hard 'skills', tapi yang 'soft skills' ini dan juga 'competitive skills'. 'Soft skills' seperti kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi secara lisan dan bertulis terutamanya dalam bahasa inggeris sebab kehendak pasaran masa ini dalam Bahasa Inggeris tapi dalam konteks kita, kita aa..melahirkan pelajar yang berupaya dalam 3 bahasa. Bahasa ibunda (Bahasa Melayu) dan Bahasa Arab, Bahasa Inggeris. Aa..jadi dengan aa....kemahiran apa ni, berbilang bahasa ini,aa..jadikan graduan kita aa..boleh,boleh berdikari ya.. Sama ada nak bekerja sendiri ataupun aa..cari kerjaya di sektor awam dan sektor swasta, jadi pembangunan sahsiah aa..sahsun merujuk pada diri, sahsiah adalah ciri-ciri yang ada pada diri seseorang itu. Jadi,aa..apakah ciri-ciri yang ada bila kita kata seseorang itu mempunyai sahsiah yang, yang cemerlang ataupun menunjukkan keterampilan yang, yang menyerlah aa,,jadi ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang itu ilmu dia, ilmu, kita tidak nampak ilmu itu kan dia imbedded ya, dalam diri

seseorang itu tapi ilmu itu diperolehi secara formal dan tak formal. Yang formalnya dalam konteks kelas, silibus dan pencapaian kokurikulum itu, itu ilmu. Ilmu, kemahiran dia, jadi kemahiran aa..yang dizahirkan ya, kita tahu, "oh, dia mahir ya", boleh berkomunikasi dengan baik. Sebab dia mempunyai banyak ilmu, dia menunjukkan kemahiran yang baik iaitu dia boleh menyampaikan. Okay, dia ada kemahiran menyelesaikan masalah ni..Dia aa..kemahiran menyelesaikan masalah, dia 'IT savy', dia kemahiran IT ya. Kemudian dia banyak pengalaman, pengalaman itu juga satu daripada ciri yang, yang membentuk yang define seseorang itu, sahsiah seseorang itu ya. Pengalaman apa, dalam konteks untuk kerjaya, pengalaman diperolehi dari 'practical training', pengalaman diperolehi dalam menganjurkan berbagai aktiviti- aktiviti kemahasiswaan malah menyertai program- program itu, bila menyertai dia melihat bagaimana sesuatu aktiviti itu dilaksanakan ya. Jadi samaada sebagai peserta ataupun sebagai pemimpin, dapat pengalaman. Jadi daripada pengalaman itu, mengukuhkan kemahiran sosial dia, kemahiran dia untuk menguruskan manusia,'People management'. Jadi, semua ini, yang imbedded dalam diri seseorang itu akan aa..menzahirkan sahsiah yang baik. Dan kita aa..aa..aa..sahsiah aa..saya nak,aa.. diwarnai dengan apa tadi, akhlak yang baik. Itu dalam kita, konteks kita, kita juga membina kerohanian itu, pelajar itu okay, jadi kita dapat melahirkan insan kamil yang apa, kamil ya yang sempurna. Sesuatu pakej ya, jadi kalau kita dapat melahirkan itu maka kita boleh, nanti bila dia keluar nanti dia akan 'Unleash' dia punya potensi itu dalam mem aa..memberi sumbangan kepada masyarakat, Negara, agama dan Negara ya.

Harianti :

Seterusnya, aa..sepanjang menjadi timbalan naib canselor, timbalan raktor dahulu, apakah pengalaman yang mencabar yang prof tidak dapat lupakan?

Prof :

Terima kasih,emm pengalaman paling mencabar ya. Aa..semasa saya menjalankan tugas sebagai timbalan raktor hal ehwal pelajar dan pembangunan khususnya bahagian pembangunan itu, ada dua insiden lah. Sekali semasa kita buat lawatan tapak ke..kalau tak silap saya ke bahagian apa ni, pembinaan apa ni aa..perpustakaan. Disitu ada, apa ni, masa itu sedang diuji tentang apa ni emm membuat apa cerucuk semua tu, sedang menggali lubang untuk cerucuk ya. So ada satu tempat itu, berlubang itu ditutup aa..dengan aa..'Plywood' dan sebelah lubang tu ada jentera tu. Saya cuba nak naik jentera tu tapi saya terpijak apa tu 'Plywood' itu aa..tapi saya sempat disambar oleh manager ya pasal kemungkinan kalau 'Plywood' tu lembut sangat saya boleh terjerumus masuk dalam lubang berapa meter dalamnya tu. Itu satu ya tapi alhamdulillah apa, tidak ada kemalangan yang berlaku ya. Itu,itu yang pertama. Yang kedua berkaitan dengan pembangunan juga, kita berangkat dekat, kita dari semasa ke semasa kita buat aa..(berdehem)buat apa,lawatan tapak pada waktu malam ya tengok kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor ya. Satu itu, selalunya kalau kita buat lawatan mengejut, kita tidak beritahulah tapi kadang-kadang diorang tahu juga kita nak datang. Jadi kita pergi ke kawasan pembinaan fakulti syariah dan undang-undang ya jadi kita tengok persekitaran itu tidak banyak sangat 'spot light', kerja malam kena banyak 'spot light' ya, haha 'spot light' bagi terang ya. Jadi ada satu tempat itu tidak ada sangat, tidak terang tapi pekerja-pekerja itu ada atas beam buat kerja "ketang ketung, ketang ketung" ya, jadi kita tafsirkan mereka itu berlakon saja ya. Dia berlakon buat kerja malamlah tapi sebenarnya orang teknikal pun nampak dari segi logiknyakan satu kerja yang dia buat itu kerja yang bahaya, perlu terang, terang benderang ya tapi tidak ya dan dia buat "ketuk ketuk ketuk ketuk" itu macam berlakon

sahajakan. Jadi aa itu 'anekdot' lah dari segi iyalah, cabaran dia, cabaran dia untuk apa aa membantu mengawas selia kerja-kerja pembinaan yang dibuat oleh 'main con' dan 'main con' kepada 'sub' dia ya kita tengok juga 'progress' dia, sejauh mana produktiviti dia ya. Kalau tidak ada aktiviti tidak ada pertambahan kerja, jadi dia ada dalam pembinaan ini, ada 3, ada '4 M'. satu 'Money', kedua 'Material', ketiga 'Man power', keempat 'Management'. Jadi, kalau semua itu tidak ada, tidak ada masalah ya, berjalan dengan baik. Kalau salah satu daripadanya aa bermasalah umpamanya 'management' lemah, 'management' apalah, pihak kontraktor, kawalan terhadap pekerja, terhadap kepada 'sub' dia lemah. Kalau 'management' lemah, duit tidak ada, masalah juga tidak boleh beli 'Material'. 'Material' beli dalam bentuk 'on credit' tapi kalau tidak' tidak bayar, tak dapat, jadi bila tak ada 'Material' maka dia ada tak boleh bekerja. Jadi kita sebagai pegawai membantu apa, mengawal selia tentang 'progress' ini ialah itu fahami tentang apa ini inter krisis ya industri pembinaan ini, kena faham dulu baru kita dapat mengemukakan soalan-soalan yang betul, tepat aa kepada 'contract manager', kepada aa wakil aa 'main contractor' sebagainya menyatakan soalan jawab itu soalan yang,yang,yang,yang aa tepat yang kita boleh ramalkan jawapan dia jadi kita tidaklah dikaburi ya. Itu nak kita perlu ada kemahiran lah.

Yazid :

Jadi soalan seterusnya adalah berkenaan dengan alumni. Mungkin prof boleh ceritakan apakah fungsi alumni dan keperluan kepada universiti dan seterusnya mungkin boleh prof kongsi bersama dengan kita alumni-alumni mungkin secara umumlah yang telah mengharumkan nama universiti.

Prof :

Okay, alumni ialah aa 'graduate' yang telah apa menamatkan pengajian mereka ya secara aa dominannya ialah seseorang yang lulus yang keluar dari universiti itu ialah alumni lah, alumni ya. Secara formalnya jika ada persatuan alumni mereka mendaftar membayar yuran keahlian jadi, jadi mereka rasmlah sebagai alumni, ahli alumni tapi sebenarnya alumni ini secara simboliknya sesiapa mana-mana pelajar yang keluar dari tempat ini alumni lah. Bekas pelajar ya. Okay, jadi alumni ini kalau kita tengok di universiti- universiti barat, di amerika, alumni ini, persatuan alumni ini memainkan peranan yang penting aa peranan yang penting, memberi sumbangan kepada pembangunan sesebuah universiti. Alumni Havard itu mempunyai dana yang besar ya dia boleh membantu pembangunan Havard itu dari segi 'research' nya, dari segi 'resource' mendapatkan professor-profesor yang terkenal ya. Jadi alumni ini dia bagi sumbangan kepada universiti itu. Jadi universiti boleh mengumpul dana hasil daripada sumbangan alumni ini. Kemudian alumni ini alumni yang berjaya, mereka ada mempunyai syarikat sendiri, bekerja dengan syarikat-syarikat, bila mereka mempunyai syarikat sendiri, aa sesetengah itu ada bisnes yang aa dia buat dia libatkan universiti ya, keuntungan diberi kepada, kepada, kepada tabung alumni tulah. Jadi tabung alumni dia jadi ungoverment. Jadi aa di amerika memang alumni memang memainkan peranan yang penting dan kita aa negara lai benchmark jadikan pengalaman di universiti-universiti terkenal di Amerika sebagai tanda aras untuk diikuti ya. Jadi, di Malaysia ini beberapa universiti yang mempunyai persatuan alumni yang, yang tersusun ya seperti Universiti Utara Malaysia, di UTM, UKM disebut beberapa namalah, Universiti Malaya ya universiti yang tertualah alumni yang apa, yang mantap ya. Aa jadi kita sebuah universiti yang nisbahnya baru juga, lebih kurang 7 tahun kan, jadi kita pun ada persatuan alumni dah

didaftarkan pada society dan punya keahlian. Kita dalam proses untuk memantapkan lagi aa persatuan alumni kita ini, kita ada seorang pegawai bahagian hal ehwal pelajar, En Md Ishah, penolong pendaftar, satu tanggungjawab dia ialah membantu pembangunan alumni ini. Kemudian untuk buat alumni ini bergerak, kita perlu ada kewangan dia dan universiti pun sudah meluluskan cadangan untuk pelajar-pelajar baru masa pendaftaran lagi, satu daripada yuran kena bayar, yuran keahlian alumni, itu wajib. Kemudian pelajar-pelajar yang senior ya yang kemudiannya aa kita kutip aa yuran alumni itu masa mereka nak 'graduate'. Pelajar baru pada masa mereka masuk, pelajar yang kemudian ini masa mereka nak 'graduate', itu lembaga pengarah pun sudah luluskan cadangan. Jadi tabung alumni boleh diisi dan mereka boleh memegang. Jadi apakah aa program yang sedang dibuat, secara aa pentadbirannya aa bila kita cakap tentang alumni ini satu dia nak tahu aa siapa mereka, perlu kita ada dalam ini aa maklumat lengkap tentang pelajar kita yang telah aa 'graduate' mengikut fakulti, mengikut bidang kemudian aa mengikut negeri, alamat tetap mereka, E-Mail, aa nombor telefon untuk dihubungi ya okay aa, jadi itu satu data base. Kemudian kita juga dah membina laman web untuk membina alumni ini, laman web, jadi aa laman web ini aa boleh digunakan untuk untuk yang mencapai ya kelemahan ataupun perkembangan terkini universiti dan sebagainya untuk aa dalam pembinaan, dia tidak adalah 'address' ya. Aa kemudian aa program-program itu aa yang saya tahu alumni kita ada terlibat dalam program-program kerjaya kan yang baru-baru ini 'semalam dan hari ini' kan. Ada seminar apa dikatakan tu, carrier exhibition 2007 ya dan ada aa pemamer-pemamer itu dikalangnya ialah daripada..daripada bekas pelajar kita ya apa ni bekas pelajar kita yang terlibat dalam apa ni dalam bisnes ya umpamanya aa satu syarikat ni aa Urusan Consultant ya

Mohamad Zahari Nubhan ya, dia alumni kita, dia kepakaran dia dalam membuat apa ni aa signage ya, saya tengok signage macam membuat signage ataupun kain-kain rentanglahkan, banner dan sebagainya menggunakan IT ya dan kepakaran. Aa jadi dia beritahu saya semalam, aa dalam syarikat dia ada 7orang bekas pelajar-pelajar USIM dan dia dalam proses untuk mendapatkan lebih ramai lagi. Jadi dia bukak satu syarikat dan dia boleh menjana pekerjaan baru pada pelajar-pelajar USIM, ini satu pencapaian yang baik sekali ya. Eemm selain daripada itu aa sudah ada Dato' naib cancellor pun maklumlah sebab dah biasa dia sebut dalam ucapan-ucapan beliau ya untuk pencapaian alumni kita. Seorang alumni kita, alumni dari fakulti ekonomi dan muamalat bertugas di Dubai ya dalam kalau tak silap saya dalam industri berkaitan dengan apa ni 'decleaning service' luar negeri dan sebagainya dan mendapat apa ni bayaran yang lumayan ada kediaman disediakan, kenderaan disediakan. Seorang pelajar kita daripada FEM juga bekerja dengan Arashi bank di Kuala Lumpur ya aa Arashi akan menubuhkan banyak cawangan diseluruh Negara jadi ini merupakan peluang yan luas bagi alumni USIM ini. Pertama dalam bidang 'banking', kewangan sebab kita, kekuatan kita dalam 'Islamic banking finance' ya. Jadi bila aa syarikat-syarikat perbankan di luar negara akan membuat pelaburan disini, arashi bank kerana di Malaysia ini mempunyai tarikan yang unik ya bagi pelabur-pelabur di timur tengah ya. Ini membuka peluang yang luas kepada graduan kita ya dalam bidang itu ya. Selain daripada itu, alumni kita juga aa daripada bulan Jun 2006 ya terlibat aa dalam program duta arab kecil ya ringkasnya sebagai pemandu pelancong ya dan juga sebagai apa ni announces. Ini dengan kerjasama aa 'Malaysia Airport Sepang Sdn Bhd' MAS 'Malaysia Airport Sepang Sdn Bhd' dan juga 'Tourism Malaysia' pada bulan Jun tahun lalu aa pelajar-pelajar kita yang aa sudah tamat

pengajian mereka menunggu untuk 'graduate' untuk konvokesyen bulan Ogos 'last year' aa 20 orang lebih bertugas di KLIA dalam 4 syiff ya, satu syiff itu 4 orang ya. Jadi seorang daripadanya sebagai apa aa juruhebah, buat hebahan dalam bahasa arab, yang lain tu membantu sebagai 'tourist guide' membantu terutamanya pelancong-pelancong daripada timur tengah sebab masa itu lebih daripada 150ribu pelancong daripada timur tengah datang melawat Malaysia dan aa tahun ini aa lebih ramai dijangkakan sebab tahun ini tahun melawat Malaysia ya. Jadi pada aa bulan Jun ini sampai bulan Disember ini, 48 orang alumni KUIM diperlukan, alumni USIM diperlukan untuk bertugas di Malaysia, di KLIA ya, tujuan yang sama. Sekarang ini ada 4 orang alumni kita bertugas disana, disamping itu lebih 60 orang pelajar-pelajar yang mendaftar di USIM ini kerja 'part time' di di KLIA sebagai jurutunjuk pelancong. Jadi,jadi alumni USIM ini oleh kerana mereka mempunyai aa kemahiran bertutur dalam bahasa arab, maka ini satu kekuatanlah, jadi mudah ya, jadi apa.. Jadi dapat, ini satu apa, satu aa kesaksian bahawa aa apa yang kita kata pelajar kita bagus dalam bahasa arab, mereka dapat mempraktikkan ya dan kita dapati pelajar-pelajar kita yang ada pengalaman sebagai duta arab kecil di KLIA ini, bila mohon untuk j-QAF ramai yang dapat, ha dapat j-QAF ya. Tapi kita harap bukan sahaja j-QAF ya tapi mereka boleh lebih daripada itulah.

En Yazid :

Jadi prof ya, seterusnya kita ke perkara yang mungkin menjadi apa menjamin kualiti kita di USIM ini berkenaan ISO, boleh tak prof ceritakan secara ringkasnya aa keperluan universiti kepada ISO dan kemudiannya, aa kita sudah dapat ISO, apakah faedah yang kita dapat dan kemudiannya ciri aa perkara-perkara yang perlu kita buat untuk mengekalkan ISO tersebut.

Prof :

Okay, ISO ataupun 'International Standard Organization' ya aa kita telah memperolehinya pensijilan ISO aa MS.. 'sory' MS ISO 9001:2001 aa untuk 3 tahun, mula-mula dari 26 November 2004 okay aa pensijilan ini adalah daripada SIRIM QOS International ya aa skop pendaftarannya ialah aa pengajaran aa dan pembelajaran pada peringkat sarjana muda termasuk juga pembangunan kurikulum ya, kurikulum ya. Jadi, (berdehem) apa yang telah di aa telah dibina ialah satu aa pengurusan kualiti okay, yang aa kalau ISO ini dia memfokuskan kepada pelangganlah, keperluan pelanggan ya. Jadi kenapa kita perlu ini. Satu daripada justifikasinya ialah aa aa kehendak pelanggan sendiri. Pelanggan memerlukan perkhidmatan yang aa perkhidmatan yang, yang berkualiti yang yang konsisten dari segi kualitinya dan aa menepati kehendak mereka dan mengikut masa ya. Jadi bila kita aa apa aa dokumenkan amalan kita dan aa dan,, dokumen dan amalkan apa kita kata kita nak buat itu secara konsisten dan dan kita juga menghayati penambahbaikan secara berterusan aa maka kita dapat melebihi aspirasi dan kehendak pelanggan kitakan. Siapakah pelanggan kita? Pelanggan kita aa yang besar sekali pelanggan 'internal' kita ialah pelajar, para pelajar kita kan dan juga pelajar kita pelanggan dalaman. Selain daripada pelanggan aaa pelajar, juga aa warga uiversiti, aa staff universiti aa diantara yang memerlukan khidmat di sesuatu bahagian itu jadi pelanggan kepada bahagian itu aa jadi itu 'internal'. Kemudian, pelanggan 'external' kita yang pertama ialah 'testi holders' kita, kerajaan, aa bakal majikan, ibu bapa, ibu bapa hantar anak-anak mereka untuk belajar disini jadi mereka ada 'stake' lah, ada kepentingan juga. Jadi mereka itu pelanggan kita ya. Jadi aa kalau kita ingatkan bila aa dalam sesuatu organisasi itu, bila kita ada satu aa sistem pengurusan kualiti, ada aa manual kualiti, manual kerja dia okay jadi bila seseorang itu, pegawai itu tengah bercuti bermakna perkhidmat it terus,

terhenti kan, ada pegawai lain boleh 'cover' dia sebab tadi kita ada ni manual kerja ya, manual kerja MPK ya aa ada jadi orang lain boleh 'cover' jadi kita tidaklah kata aa apa ni. Bila aa ada klien ada pelanggan hendakkan sesuatu khidmat itu "oh minta maaf aa tuan, pegawai ini cuti". Bila itu berlaku kalau dia cuti seminggu, seminggulah terhenti kerja kan. Jadi bila kita ada itu aa ini sesuai dengan apa dengan aa prinsip kita aa brkerja dalam '1 team'kan jadi kita hendak jadi kita hendak tahu juga tentang kerja orang lain ya dan ini bukan, bukan saja nak nak jadi 'busy body' kan, takde tapi memang kita perlu macam itu, kita perlu, 'we have to know what others are doing' kan aa tambah juga kira dari formalkan bila kata seorang itu cuti ada pengganti dia, dia boleh menjalankan tugas. Dia tidak boleh kata saya tidak tahu ini, ini bercuti ya. Jadi itu aa jadi bila kita ada itu maka aa produktiviti boleh aa boleh ditingkatkan ya, boleh ditingkatkan. Jadi aa kehendak pelanggan memang kalau dalam konteks 'manufacturing' itu bila ada ISO ini memberi keyakinan kepada pelanggan. ISO dalam 'manufacturing'lah. Ini ISO kita tentang pengurusan bila aa pengurusan baik tapi tidak semestinya produk itu baik okay, ha produk baik ini ada dia punya cara dia pula okay. Tapi kita oleh sebab organisasi kita mantapkan, jadi prosuder-prosuder penting macam aa penyediaan kursus katanya penyediaan kuliah kita ada prosuder dia ya. Aa kita ada macam aa beberapa perkhidmatan yang kita 'out source' umpamanya ada dulu kita 'out source' perkhidmatan pengawalan, 'out source' pembersihan ya aa pembangunan aa jadi kalau kita tidak ada prosuder yang mantap dan kita beli 'main' dan kita ada satu standart yang kita tetapkan satu kontrak apa yang kita harapkan daripada apa ini tanggungjawab apa ini, pembekal itu dan kita memantau aa tentang penyampaian khidmat itu, kalau kita takde, tidak bertuliskan prosuder itu, macam mana kita hendak apa secara konsisten ya. Jadi

